

*“Dialah (Allah) yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya dan ditetapkan-Nya manzilah-manzilah (tempat-tempat) bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan (waktu). Allah tidak menciptakan yang demikian itu melainkan dengan hak. Dia menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya) kepada orang yang mengetahui.”*

*- Maksud surah Yunus : ayat 5*


ISBN 983-9454-12-9



9 789839 454123

*Risalah Dakwah*

# Budaya Ilmu Asas Kecemerlangan Ummah



JABATAN PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

*Budaya Ilmu  
Asas  
Kecemerlangan  
Ummah*

Penerbit  
Bahagian Dakwah dan Kepimpinan  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bil. 4 Tahun 1999/1420

Cetakan Pertama 1999

**Hak cipta terpelihara,**

tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh

**Bahagian Dakwah dan Kepimpinan  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Dicetak oleh

**Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.**  
No. 12, Jalan 4/118C, Desa Tun Razak,  
Cheras, 56000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-9731997, 9732004  
Fax : 603-9731835

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
<i>Kata Pengantar</i>	
<i>Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia</i> .....	v
<i>Ilmu pengetahuan adalah milik Mu</i> .....	1 - 5
<i>Kepentingan ilmu</i> .....	6 - 11
<i>Mengapa saya mesti belajar?</i> .....	12 - 20
<i>Alam persekolahan yang menyeronokan</i> .....	21 - 25
<i>Kaedah belajar yang berkesan</i> .....	26 - 28
<i>Membaca dan menulis kunci ilmu</i> .....	29 - 33
<i>Membentuk budaya berfikir</i> .....	34 - 38
<i>Menyelesaikan masalah dalam kehidupan</i> .....	39 - 41
<i>Memerangi kejahilan</i> .....	42 - 44
<i>Menangani ajaran sesat dan penyelewengan akidah</i> .....	45 - 49
<i>Kisah tauladan dan mutiara kata</i> .....	50 - 57



# Ilmu pengetahuan adalah milik Mu

*Alhamdulillah Rabbilalamin,*

**D**engan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Kami bersyukur ke hadrat Mu yang telah mencipta diri kami dari segumpal darah. Engkau Tuhan Yang Maha Pemurah, yang memiliki ilmu pengetahuan. Engkau wahai Tuhan yang mengajar kami sesuatu yang tidak diketahui dengan perantaraan membaca serta menulis. Sesungguhnya Engkau Tuhan Yang Maha mengetahui lagi Maha bijaksana.

*Subhanallah!*

Maha Suci Engkau wahai Tuhan yang telah melanjutkan usia kami menjadi remaja yang berilmu, beriman dan berbakti. Sesungguhnya zaman remaja banyak pancaroba. Apa lagi dalam menghadapi kehidupan di zaman pembangunan dan kemajuan. Kehidupan dunia global menyebabkan banyak perubahan dan pergolakan yang hebat dan mencabar. Perubahan dan pergolakan yang mencabar itu hanya dapat diselesaikan dengan kebijaksanaan ilmu dan kemahiran yang kita miliki. Justeru itu ia menuntut supaya kami mengamalkan budaya ilmu untuk menghadapi hari-hari seterusnya. Kami masih ingat lagi

di waktu kecil dahulu, ayah ibu serta guru sentiasa berpesan dan menasihati kami agar belajar bersungguh-sungguh supaya menjadi orang yang pandai dan bijaksana. Kami belajar di rumah daripada ibu, ayah serta keluarga. Manakala di sekolah, kami belajar pelbagai ilmu daripada guru. Kami sentiasa menyayangi dan menghormati mereka.

Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang! Berikan pertunjuk dan hidayah Mu di hati kami. Pancarilah nur ilmu pengetahuan Mu dalam sanubari kami, tanamkanlah kesedaran dan keinsafan ke jiwa kami betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam kehidupan ini. Sesungguhnya tanpa anugerah ‘nur’ ilmu pengetahuan dari Mu, nescaya hiduplah kami dalam kegelapan. Hidup kami sentiasa dalam kejahilan dan kepapaan. Kami tidak dapat membezakan yang baik dengan yang buruk dan yang halal dengan yang haram. Alangkah zalimnya kami ketika itu. Akibat kejahilan dalam agama, hidup kami bergelumang dengan dosa dan kemungkar. Bagaimanakah kami dapat menjadi insan yang baik dan sentiasa mengharapkan keredaan Mu di samping merealisasikan kemakmuran dan kesejahteraan di bumi Mu ya Allah!

### ***Wahai Tuhan!***

Kami sedar bahawa perjuangan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan Mu masih jauh lagi. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan, namun kemampuan kami untuk memiliki ilmu pengetahuan Mu sangat terbatas. Untuk mencapai semuanya itu kami tidak boleh leka dan lalai, kerana zaman persekolahan kami berlalu begitu pantas. Kini kami mengetahui hanya ilmu sahaja yang dapat membimbing kami ke jalan yang benar dan selamat. Tanpa mengira lelaki atau wanita, tua atau muda, Engkau telah mewajib kepada kami supaya mempelajarinya selagi hayat di kandung badan. Kami menyedari



*“... Aku mengabulkan permohonan orang yang mendoa apabila ia berdoa kepada Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran”*

*- Maksud Surah al-Baqarah : ayat 186*

bahawa pengiktirafan dan jaminanMu di dalam al-Quran terhadap kedudukan yang tinggi keatas orang yang berilmu pengetahuan adalah ternyata tepat dan benar.

Dalam firman Mu Engkau menjelaskan bahawa Engkau akan mengangkat darjat orang yang beriman dan yang mempunyai ilmu pengetahuan dengan beberapa kelebihan, sama ada semasa mereka hidup di dunia dan di akhirat. Ketika kami meneliti dalam suatu firman Mu yang lain, Engkau menjelaskan pula tentang perbandingan orang yang berilmu pengetahuan adalah berbeza dengan orang yang tidak berilmu. Buktinya jelas ternyata orang berilmu, kehidupannya lebih baik daripada orang yang tidak berilmu. Apa lagi dalam menghadapi kehidupan di zaman yang penuh cabaran dan pergolakan.

Tanpa ilmu, nescaya kami akan tenggelam lemas dalam gelora arus lautan dan badai yang mengganas.

### ***Wahai Tuhan!***

Tambahkanilah ilmu pengetahuan Mu kepada kami supaya kami dapat mengamalkan dan manfaatkannya dalam kehidupan ini. Semoga keberkatan ilmu pengetahuan yang Engkau anugerah itu dapat memandu kami ke jalan yang benar, di samping dapat kami mengajar, mendidik dan membimbing anak-anak kami. Sesungguhnya ilmu pengetahuan itu adalah milik Mu. Berbahagialah orang yang berjaya memperolehi ilmu, kerana ia dipilih oleh Mu untuk menerima pertunjuk dan kurniaan dari Mu kepada sesiapa yang dikehendaki. Hanya dengan ilmu sahaja kami dapat memartabatkan diri, keluarga, ummah dan negara. Sungguh malang sekali kerana ada sesetengah di kalangan pelajar yang meremehkan ilmu dan tidak ada usaha untuk mempelajari bagi meningkatkan ilmu, sebaliknya mereka lebih mementingkan kesenangan dan kemewahan. Hidup mereka untuk mengejar kebendaan. Sikap dan gelagat sebilangan kecil pelajar dan anak muda hari ini tidak menyanjung ilmuwan amat membimbangkan. Bagi mereka yang bersikap demikian, ilmu merupakan 'barang' yang telah hilang daripada kehidupan mereka. Kalau begini sikap dan bentuknya para pelajar dan remaja, tunggulah, di suatu masa nanti umat Islam akan hilang kekuatan, hilang kemuliaan, menjadi hamba dan melarat di tanah air sendiri, tenaga mereka akan diperas, kuasa mereka akan ditindas, mereka hidup dalam kehinaan dan kepapaan. Semua ini kerana mereka jahil dalam melaksanakan kewajipan diri mereka terhadap Islam. Walaupun banyak ilmu yang kami perolehi, namun keberkatannya tidak akan diperolehi jika sekiranya kami tidak beriman dengannya. Apa lagi jika kami menyalahgunakan ilmu tersebut untuk menipu dan mengkhianati orang lain. Akhirnya ilmu tersebut akan menghilangkan diri dan memudaratkan tuannya .

---

Wahai Tuhan, Ampunilah segala dosa kami, kedua ibu bapa kami, guru-guru kami yang telah banyak berjasa kepada kami. Mereka mengajar ilmu pengetahuan kepada kami. Mereka telah mendidik kami sehingga kami dapat mengetahui dan mengenal siapa diri kami. Mereka meneruskan tugas rasul Mu, menyampaikan amanat yang telah mereka perolehi daripada al-Quran dan sunah rasul Mu. Kini kami menyedari mengapa kami dilahirkan? Apakah peranan kami sebagai hamba Mu dan ke manakah matlamat kehidupan kami? Lantaran itu kami berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan semata-mata untuk mengejar keredaan Mu ya Allah! Tanpa didikan daripada mereka siapalah kami. Sesungguhnya jasa mereka sangat besar.

# Kepentingan *ilmu*

Ilmu bermaksud tibanya makna yang benar dalam diri seseorang. Ini bererti bahawa seseorang yang mempunyai ilmu, ia akan mencapai sesuatu kebenaran yang akan membuahkan keyakinan ke dalam dirinya. Melalui ilmu pengetahuan, seseorang itu dapat membebaskan dirinya dari belenggu kejahilan, kesangsian, kekeliruan, ragu-ragu dan rasa was-was. Sesuatu yang benar itu adalah datangnya daripada Allah s.w.t. Justeru itu ilmu adalah menjadi milik Nya. Allah s.w.t. mencipta manusia pertama iaitu Nabi Adam alaihissalam sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi. Sesuai dengan fitrah kejadian dan keistimewaan tarafnya yang telah dikurniakan akal untuk memikul tanggungjawab tersebut, Allah s.w.t. telah mengajar ilmu pengetahuan kepadanya, sehingga beliau dapat menyebut semua nama benda yang telah diajarkan kepadanya.

Maafum firman Allah s.w.t. dalam al-Quran :

***“Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman: Sebutkanlah kepada Ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang yang benar.”***

Surah al-Baqarah : ayat 31

Kemudian Allah s.w.t. mengajarkan ilmu pengetahuan tersebut kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui wahyu yang terkandung di dalam al-Quran. Dalam al-Quran Allah s.w.t. telah berfirman :

***“Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahui.”***

Maksud surah al-Alaq : ayat 5

Mahfum firman Allah s.w.t. dalam surah yang lain :

***“(Tuhan) Yang Maha Pemurah, yang telah mengajarkan al-Quran. Dia menciptakan manusia, mengajarnya pandai berbicara.”***

Surah ar-Rahman : ayat 1-4



*Al-Quran, kitab suci umat Islam hendaklah dibaca, difahami dan dihayati pengajarannya.*

Justeru itu al-Quran adalah merupakan sumber ilmu yang tepat dan benar kerana ia datang daripada Allah s.w.t. Ilmu pengetahuan sangat penting dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara kerana ia sebagai pembimbing, penunjuk jalan kebenaran untuk menghadapi liku kehidupan di dunia dan untuk mencapai kebahagiaan hidup di akhirat. Ilmu pengetahuan milik Allah s.w.t. sangat luas. Ia tidak dapat diukur; dihitung; ditimbang dan tidak ada had dan sempadannya. Sedangkan ilmu pengetahuan yang diperolehi manusia hanya sedikit sahaja. Al-Quran telah menjelaskan kenyataan ini.

Mafhum firman Allah s.w.t. :

***“Kalau sekiranya air di lautan dijadikan tinta untuk menuliskan kalimah-kalimah Allah, nescaya akan kering seluruh lautan sebelum habis kalimah-kalimah Allah itu dituliskan sekalipun di tambah lagi tinta sebagai air seluruh lautan itu pula.”***

Surah al-Kahfi : ayat 109

Secara umumnya ilmu dikategorikan kepada dua: Ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardu ain lebih menjurus kepada perhubungan secara langsung antara manusia dengan Allah s.w.t. Bidang ilmu tersebut mengajar dan membimbing kita untuk melaksanakan kewajipan dan amalan pengabdian seorang hamba kepada Allah s.w.t. secara mutlak.

Mafhum firman Allah s.w.t. :

***“Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia, melainkan untuk beribadat kepada Allah.”***

Surah az-Zariyat : ayat 56

Tahukah anda? Orang yang memiliki ilmu-ilmu tersebut dan mengamalkannya di kenali sebagai ulama. Mereka memperoleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah s.w.t.

Maafum firman Allah s.w.t. :

***“Dan demikian (pula) di antara manusia binatang-binatang melata dan binatang ternakan ada yang bermacam-macam warna (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hambaNya hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.”***

Surah Fatir : ayat 28

Sebagai seorang pelajar, kita wajib mempelajari ilmu fardu ain yang terdiri daripada ilmu Akidah, Syariah dan Akhlak. Ketiga-tiga bidang ilmu tersebut penting kerana ia merupakan asas untuk menanam akidah dan keimanan dalam hati dan jiwa manusia untuk melahirkan insan yang baik dan sentiasa mengharapkan keredaan Allah s.w.t. Walau bagaimanapun, setiap muslim juga wajib menuntut ilmu fardu kifayah kerana ia sebagai pelengkap kepada ilmu fardu ain yang bertujuan untuk memakmurkan alam ciptaan Allah s.w.t. Tuntutan untuk menguasai kedua-dua kategori bidang ilmu tersebut dipertanggungjawabkan ke atas kita untuk mencapai kesejahteraan hidup individu, membangun masyarakat dan negara, selaras memenuhi tuntutan Allah s.w.t. di dalam al-Quran :

***“... Sesungguhnya Aku menjadikan manusia di muka bumi ini sebagai khalifah ...”***

Surah al-Baqarah : ayat 30

Apabila kemahiran daripada kedua-dua kategori bidang ilmu tersebut diperolehi dan dikuasai, martabat umat Islam dan negara dapat dipertingkatkan. Dengan penguasaan ilmu pengetahuan tersebut negara dapat menampung keperluan sumber tenaga manusia yang cukup dan tidak lagi bergantung kepada kepakaran sumber tenaga daripada luar negara.

Cuba anda senaraikan bidang-bidang ilmu dalam kategori ilmu fardu ain dan fardu kifayah yang telah anda pelajari di sekolah. Nyatakan manfaat yang anda perolehi daripada setiap ilmu tersebut di dalam merealisasikan kehidupan anda seharian.

Akal pemikiran dan ilmu merupakan kriteria utama yang membezakan di antara manusia dengan haiwan. Dengan kurniaan akal fikiran dan ilmu yang dipelajari, manusia menjadi lebih hebat daripada latihan yang diperolehi oleh haiwan. Buktinya manusia yang berilmu dan berfikir mampu melakukan perubahan terhadap diri dan persekitarannya, sedangkan haiwan hanya mampu mengikut ketetapan yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepadanya. Melalui ilmu pengetahuan, manusia dapat melakukan pengkajian dan penganalisaan terhadap ilmu sehingga mampu menghasilkan penemuan-penemuan baru. Selain daripada itu mereka berjaya merekacipta teknologi baru bagi memenuhi keperluan hidup semasa. Sekali gus mereka telah berjaya menyumbang ilmu yang telah mereka pelajari ke arah pembangunan ummah, negara serta tamadun bangsa. Lebih bernilai lagi jika ilmu dan kepakaran yang mereka miliki ini dapat di ajar dan diperkembangkan kepada pewaris generasi ummah supaya mereka dapat mewarisi dan menghayati ilmu tersebut. Sejarah telah membuktikan bahawa kewujudan tamadun awal di dunia adalah kerana ketinggian ilmu pengetahuan yang mereka miliki. Walaupun kemudian tamadun tersebut dibinasakan Allah s.w.t. kerana perbuatan dan tindakan mereka yang menyalahgunakan ilmu serta sikap engkar dan sombong mereka terhadap perintah Allah s.w.t.

---

Tokoh-tokoh ilmuwan dan ulama silam seperti Imam asy-Shafie, Imam al-Ghazali dan ilmuwan lain sentiasa diabadikan dan menjadi sebutan sejarah tamadun umat sejak zaman berzaman. Bagi kita sebagai pelajar perlu mencontohi kesungguhan, kegigihan dan keikhlasan mereka semasa berusaha menuntut ilmu. Mereka belajar secara tidak formal, kemudahan-kemudahan asas dalam pembelajaran pada masa itu sangat terbatas. Mereka menjadikan kesusahan hidup sebagai cabaran serta menghadapinya dengan penuh sabar dan tekun untuk belajar. Setelah mendapatkan ilmu, mereka tidak merasa sombong. Sebaliknya mereka memanfaatkan ilmu tersebut untuk mengajar dan menyampaikannya kepada orang lain. Kemampuan mereka untuk mengarang dan menulis kitab-kitab supaya dapat dibaca oleh pewaris generasi yang akan datang. Sehingga kini kitab-kitab tersebut menjadi rujukan muktabar kepada seluruh umat Islam di dunia.

# Mengapa saya mesti belajar ?

---

**T**ahukah anda? Ilmu itu tidak boleh diwarisi secara turun temurun. Ia hanya layak diwarisi oleh mereka yang baik dan memiliki sifat seperti bercakap benar, cerdik, amanah dan menyampaikan kebenaran ilmu tersebut kepada orang lain. Orang yang berilmu dipanggil ‘alim, intelektual atau cendekiawan. Insan berilmu akan dapat mengguna dan mengamalkan ilmu yang dipelajari dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kehidupan sehariannya. Ini bererti insan tersebut akan dapat membuat pertimbangan dan keputusan yang wajar dalam sesuatu tindakan. Secara spontan mereka dapat memanfaatkan ilmu tersebut, walaupun dalam keadaan yang genting.

Bagaimanakah cara anda memperolehi ilmu pengetahuan? Terdapat beberapa cara untuk kita memperolehi ilmu. Ada yang memperolehinya melalui proses pembelajaran, pembacaan, penulisan, pengkajian, pemerhatian, pendengaran dan pengalaman. Dalam Islam, kewajipan belajar merupakan proses pembelajaran yang berlangsung di sepanjang hayat seseorang individu.

Mafhum sabda Rasulullah s.a.w :

***“Tuntutlah ilmu daripada buaian hingga ke liang lahad”***

Riwayat Muslim



*Gambar hiasan : Universiti Islam Antarabangsa*

Kewajipan menuntut ilmu diwajibkan ke atas setiap muslim tanpa mengira lelaki atau perempuan.

Maafhum sabda Rasulullah s.a.w :

***“Menuntut ilmu diwajibkan ke atas setiap muslim”***

Riwayat Ibnu Majah

Saya bersyukur dan berbangga dengan hasrat kerajaan yang sentiasa memberi perhatian terhadap sistem pendidikan di negara ini. Berbagai usaha yang serius telah dijalankan bagi membolehkan rakyatnya dari berbagai bangsa mendapat pelajaran dan pendidikan secara percuma. Justeru itu, saya sebagai warga negara perlu merebut kesempatan yang berharga ini untuk belajar bersungguh-sungguh. Kesempatan ini hanya diberi sekali sahaja di sepanjang hayat saya di

dunia ini. Saya bimbang kalau saya lepaskan peluang keemasan ini, nescaya diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara akan rugi. Saya akan menjadi orang yang jahil di dalam agama. Apabila jahil di dalam agama, tentu saya tidak tahu melaksanakan tanggungjawab diri saya dengan Allah s.w.t. Saya tidak dapat menyelesaikan masalah diri dalam menghadapi situasi kehidupan seharian yang penuh mencabar. Saya akan ketinggalan untuk mengejar kejayaan hidup di dunia dan kebahagiaan hidup yang berkekalan di akhirat.

Maafum sabda Rasulullah s.a.w :

***“Siapa yang berkehendakkan dunia, dia mestilah mempunyai ilmu; siapa yang berkehendakkan akhirat, dia hendaklah mempunyai ilmu; siapa yang berkehendakkan kedua-duanya maka hendaklah ia mempunyai ilmu.”***

Riwayat Muslim

Hadis di atas menjelaskan, bahawa setiap muslim hendaklah berilmu. Apa lagi untuk menyumbangkan bakti kepada masyarakat dan negara. Lebih menakutkan saya, apabila mengingatkan, di suatu masa nanti saya akan mengadap Allah s.w.t., Tuhan yang menghidup dan mematikan saya. Di sanalah tempat saya akan disoal, dihisab dan dihitung segala amalan selama hidup di dunia ini. Ke manakah usia telah saya habiskan? Kemanakah ilmu itu saya manfaatkan? Mengapa saya tidak menyampai ilmu kepada orang lain? Mengapa saya tidak mengamalkan ilmu yang telah dipelajari? Apakah cukup sekadar ilmu yang saya miliki selama ini sebagai persiapan dan bekalan amalan yang akan saya persembahkan kepada Nya nanti?

Proses pembelajaran di negara ini diperolehi melalui pendidikan secara formal dan tidak formal. Kedua-dua bentuk pendidikan tersebut anda dan saya telah lalui. Pendidikan formal ialah seperti pembelajaran yang telah dijalankan di sekolah, kolej dan universiti. Kebanyakan ilmu dari pelbagai mata pelajaran yang terdapat di institusi pendidikan tersebut diajar oleh guru dan pensyarah. Manakala pendidikan tidak formal pula ialah ilmu yang diperolehi melalui pembelajaran sendiri, sama ada secara perbincangan, pembacaan, pemerhatian, penjelajahan dan sebagainya. Banyak ilmu yang diperolehi semasa kita menjalani proses pembelajaran di sekolah. Saya berkeyakinan bahawa ilmu pengetahuan itu merupakan anugerah Allah s.w.t. kepada hamba Nya yang mempunyai akhlak mulia dan terpuji. Dengan keberkatan ilmu pengetahuan tersebut, seseorang itu dapat mengenal diri; membentuk sikap; membina minda serta potensi dan dapat mengubah tingkah laku daripada negatif kepada positif. Perubahan-perubahan yang dilalui itu adalah berbeza di antara satu sama lain. Ini bergantung kepada masa, tempat dan keadaan. Ada di kalangan pelajar, dapat belajar di sekolah dengan penuh semangat yang gigih sehingga memperolehi kejayaan cemerlang, walaupun terpaksa menghadapi kesulitan dan penderitaan hidup. Mereka dikurniakan Allah s.w.t. ketabahan hati, kekuatan iman dan ketaqwaan. Mereka sentiasa mendirikan solat fardu, melaksanakan perintah Allah s.w.t, dan menjauhi segala larangan Nya. Mereka tidak pernah menjadikan kemiskinan dan kesusahan itu sebagai faktor penghalang untuk mengejar kejayaan semasa belajar. Sebaliknya mereka menjadikan kemiskinan dan kesusahan itu sebagai cabaran dan ujian bagi menghadapi kehidupan untuk hari-hari seterusnya. Lantaran itu mereka mengharungi pembelajaran mereka dengan jiwa yang sabar. Mereka memahami bahawa kehidupan itu sebagai suatu perjuangan yang memerlukan pengorbanan dari tuannya. Di hati kecil mereka tersemai kesedaran, hanya ilmu pengetahuan sahaja yang dapat mengubah sikap,

membentuk akhlak dan mencorak kehidupan mereka di masa hadapan. Saya begitu kagum dan ingin mencontohi amalan sikap gigih dan istiqamah yang mereka miliki.

Di sepanjang masa persekolahan yang pernah anda dan saya lalui, ada di kalangan pelajar yang terpaksa mengharungi pelbagai rintangan dan halangan demi untuk mengejar kejayaan yang cemerlang di dalam pelajaran. Ada pula yang terus kecewa kerana menghadapi kegagalan di dalam ujian dan penilaian. Akhirnya mereka mengambil jalan mudah. Mereka berhenti meninggalkan alam persekolahan yang begitu indah. Tanpa mereka sedari, setelah berhenti daripada persekolahan, mereka menghadapi pelbagai masalah sosial dan budaya hidup. Sebagai seorang muslim anda dan saya perlu sedar bahawa setiap kegagalan dan kejayaan itu tersirat beberapa hikmah dan rahsia yang boleh dijadikan iktibar serta pengajaran kepada diri kita dan generasi yang akan datang. Sebaliknya anda dan saya enggan menceritakan pengalaman yang telah kita tempuhi kepada mereka. Anda dan saya jarang menyedari dan bermuhasabah kepada diri sendiri mengapa kita gagal? Mengapa orang lain boleh berjaya? Apa bezanya kita dengan orang lain? Pernahkah anda mengingati kembali zaman persekolahan yang pernah kita lalui? Setelah dikaji dan diteliti, akhirnya anda dan saya baharu menyedari bahawa kegagalan itu berpunca daripada beberapa kesilapan yang telah kita lakukan sendiri.

### ***Cuba anda ingat kembali peristiwa itu ...***

Di suatu ketika anda telah mengabai masa persekolahan anda. Kesempatan masa yang diberikan sewaktu berada dipersekolahan telah anda persia-siakan. Anda enggan belajar bersungguh-sungguh. Di sekolah anda menjadi pelajar yang selalu menimbulkan masalah disiplin kepada orang lain. Anda ponteng kelas jika mata pelajaran yang dipelajari tidak anda minat dan sukar difahami. Jauh sekali

untuk menghayati dan mengamalkan segala ilmu yang dipelajari. Pada masa itu anda tidak mengetahui bahawa ilmu itu juga memiliki perasaan seperti mana perasaan anda. Kalau anda tidak berminat untuk menerimanya, maka ilmu tersebut juga enggan menerima anda sebagai penuntutnya. Malah dia akan menyimpang jauh dari anda, lantaran itu anda tidak mendapat pertunjuk dan “*nur*” daripada ilmu yang telah dipelajari. Laksana masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Di suatu masa yang lain, anda juga pernah menyakiti hati ayah, ibu dan guru. Banyak ajaran dan nasihat mereka anda tidak hormat dan patuhi. Anda rasa sombang diri, anda enggan mendengar nasihat mereka kerana menganggap anda sudah dewasa dan lebih pandai daripada mereka. Bukan itu sahaja, ketika anda gagal anda menyalah guru dan sekolah yang tidak sistemetik. Sepatutnya anda mesti lihat kepada kejayaan yang telah dicapai oleh rakan-rakan anda yang lain. Ada juga di kalangan pelajar yang belajar dengan tujuan semata-mata untuk mendapat jawatan dan pekerjaan yang baik. Ingatlah bahawa niat dan tujuan tersebut tidak diredai Allah s.w.t.

Luqman al-Hakim pernah menasihati anak-anaknya :

***“Wahai anakku sayang! Kalau sewaktu kecil engkau rajin belajar dengan tekun menuntut ilmu sebanyak-banyaknya, maka apabila kamu dewasa kelak (hari tua) kamu akan memetik buahnya dan kamu akan menikmatinya.”***

*Apakah maksud buah ilmu?*

Buah ilmu yang dimaksudkan itu ialah hasil atau kesan ilmu yang telah dipelajari itu dapat dimanfaatkan kepada diri sendiri, terutamanya untuk mentadbir dan mengurus penjagaan tanggungjawab diri sendiri. Selain daripada itu, ilmu tersebut dapat memanfaatkan keluarga, masyarakat dan membangunkan negara

---

serta ummah. Melalui ilmu juga kita dapat melaksanakan tanggungjawab kepada Allah s.w.t., contohnya di dalam mengerjakan ibadat-ibadat khusus, kita mesti mempunyai ilmu. Kalau tidak berilmu bagaimana kita boleh melaksanakan amal ibadat tersebut dengan betul. Kita tidak dapat mengetahui sama ada ianya rukun atau syarat sahnya ibadat-ibadat tersebut. Jika tertinggal salah satu rukun di dalam ibadat tersebut, nescaya ia tidak sah dan tidak diterima oleh Allah s.w.t. Justeru rugilah amalan yang telah dilakukan itu. Selain daripada itu, dengan memiliki ilmu, kita dapat mengajarkannya kepada orang lain.

Mafhum sabda Rasulullah s.a.w :

***“Apabila seorang anak Adam telah mati, maka terputuslah segala amalannya, kecuali tiga perkara yang dapat menghubungkan pahalanya, iaitu anak yang soleh, sedekah jariah dan ilmu yang dimanfaatkan.”***

Riwayat Muslim

Ilmu dan guru adalah merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Ada sesetengah di kalangan kita menganggap bahawa ilmu dapat diperolehi melalui sumber multimedia seperti internet, pembacaan, pengkajian dan pengalaman. Walaupun anggapan tersebut ada kebenarannya, namun bagi memastikan kebenaran sesuatu ilmu yang dipelajari, dibaca dan didengar itu betul untuk pengamalan dan penghayatannya, kita memerlukan kepada guru, ulama dan para bijak pandai untuk mengajar, membimbing dan menerangkan ilmu tersebut supaya kita menjadi lebih faham dan jelas.

Mafhum firman Allah s.w.t. :

***“... Maka bertanyakanlah para ahli ilmu pengetahuan sekiranya kamu tidak mengerti.”***

Surah an-Nahl : ayat 43

Justeru itu seorang pelajar hendaklah bertanya gurunya jika sekiranya ia rasa ragu-ragu dan tidak faham. Jangan kita rasa malu untuk bertanya. Pepatah Melayu ada menyatakan : ***“Malu bertanya sesat jalan”***. Begitulah tingginya martabat ulama, intelektual dan cendekiawan menurut Islam, kerana mereka akan menjadi rujukan kepada orang ramai bagi memastikan kebenaran sesuatu ilmu.

Ukuran untuk menentukan sesuatu ilmu dan amalan itu betul atau benar adalah berdasarkan al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Kita bimbang dan khuwatir jika sekiranya ilmu tersebut disalahgunakan amalannya, ia akan menjadi syirik dan sesat. Apa lagi, jika ilmu tersebut bercanggah dengan akidah dan perundangan Islam yang suci. Di sinilah pentingnya peranan guru untuk menyampaikan dan mengajar sesuatu ilmu kepada orang yang tidak mengetahui dan memahami mengenai sesuatu perkara.

Mafhum hadis Rasulullah s.a.w :

***“Tidak wajar bagi orang yang bodoh berdiam diri atas kebodohnya dan tidak wajar orang yang berilmu berdiam diri dengan ilmunya.”***

Riwayat at-Tabrani

Pantun Melayu ada menjelaskan :

***Berburu di padang datar,  
Dapat rusa berbelang kaki,  
Berguru kepalang ajar,  
Bagaikan bunga kembang tak jadi.***

Sebagai seorang pelajar yang masih berada di alam persekolahan, kita mempunyai tanggungjawab mempelajari ilmu pengetahuan melalui bimbingan guru. Mereka bertanggungjawab untuk mengajar dan mendidik murid dan pelajar di sekolah. Justeru itu, pelajar berkewajipan pula menghormati dan mematuhi ajaran guru, semoga kita mendapat keberkatan daripada ilmu yang telah dipelajari.

Saya menyedari betapa besarnya jasa dan sumbangan bakti guru terhadap pembangunan insan dan negara. Bukannya senang untuk mendidik dan membina manusia menjadi insan, kerana proses untuk mengubah sikap dalam diri manusia memerlukan jangka masa yang panjang. Dalam hal ini, memang wajar sekali Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan pengiktirafan kepada mereka dengan mengadakan sambutan hari guru pada setiap tahun bagi memperingati jasa mereka. Kepada guru-guru yang telah mengajar dan mendidik kami, biarpun di mana sahaja mereka berada, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan :

***“Selamat hari guru, sambutlah salam dan doa daripada kami.  
Semoga guru-guru aman dan sejahtera selalu.”***

# Alam persekolahan *yang* menyeronokan

**K**enangan sepuluh tahun yang lalu masih lagi saya ingati sehingga hari ini. Pesanan dan nasihat ayah, ibu serta guru-guru masih terngiang-ngiang di telinga saya. Mereka sentiasa menyuruh saya supaya belajar bersungguh-sungguh semasa berada di bangku persekolahan. Ketika itu saya belum mengerti lagi apakah tujuan saya disuruh belajar. Bagaimana dengan anda? Adakah anda mengalaminya bersama seperti mana yang saya alami?

Saya memulakan pra sekolah di sebuah taman didikan kanak-kanak (TADIKA) yang terletak berhampiran dengan rumah saya. Ketika itu usia saya sudah lima tahun. Ayah dan ibu menghantar saya ke TADIKA tersebut untuk membiasakan saya bersiap sedia apabila memasuki sekolah rendah. Di sana kami dididik dan diajar mengenai asas-asas agama, menulis, membaca dan bermain. Ada empat orang guru perempuan yang mengajar kami secara bergilir-gilir. Pertama kali saya dapat mengenali ramai kawan sebaya. Pada mulanya saya merasa malu dan enggan bergaul dengan mereka. Tetapi apabila banyak aktiviti pembelajaran yang dijalankan secara bersama-sama, telah menjadikan saya mula mesra dan berkenalan rapat dengan mereka.

Hari demi hari telah berlalu, sedikit demi sedikit saya dapat mengetahui, mengenal menyebut dan menulis huruf-huruf abjad rumi dan jawi. Perubahan diri dan sikap semakin jelas. Itulah kesan daripada ilmu. Ayah dan ibu begitu gembira sekali apabila melihat perubahan yang berlaku kepada diri anak mereka yang sudah boleh membaca doa ketika makan bersama keluarga, membaca al-Quran, menunaikan solat fardu secara berjemaah bersama ayah apabila masuk waktu. Masa terus berlalu begitu pantas. Dari pra sekolah saya meneruskan persekolahan di sekolah rendah. Di situ saya telah mempelajari beberapa mata pelajaran secara sistemetik. Kemahiran menulis, membaca dan mengira masih diteruskan lagi. Aktiviti kemahiran menghafaz ayat al-Quran dan menghayati akhlak Islam ditambah lagi melalui mata pelajaran Pendidikan Islam yang disampaikan oleh guru semakin jelas. Saya dan rakan-rakan yang lain mesti memberikan perhatian dan penumpuan belajar secara serius.


Selama enam tahun berada di sekolah rendah, banyak juga ilmu yang telah saya perolehi. Lebih mengembirakan hati apabila saya telah mencapai kejayaan cemerlang di dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah dengan mendapat lima A. Saya bercita-cita menjadi seorang pensyarah. Selepas itu saya meneruskan pelajaran di sekolah menengah aliran agama. Saya terpaksa tinggal di asrama. Kali pertama saya terpaksa berjauhan dengan ayah, ibu dan adik-adik yang saya cintai. Walaupun hati saya sedih setiap kali meninggalkan mereka, namun saya menganggapnya itu hanya sebahagian kecil pengorbanan yang mesti saya tempohi semasa menuntut ilmu. Lebih menguatkan kesabaran jiwa ini, apabila saya mengingatkan kisah-kisah pengembaraan ulama-ulama Islam di zaman silam yang menghadapi pelbagai kesulitan dan kesusahan demi untuk mencari ilmu. Mereka sanggup meredah padang pasir, berjalan kaki beberapa hari dari satu negara ke negara yang lain. Inikan pula kita yang

menghadapi kehidupan di zaman moden. Berbagai kelengkapan dan kemudahan telah disediakan demi untuk memberi pendidikan dan pembelajaran. Bukankah pengorbanan itu sebahagian daripada jihad?

Saya bersyukur kerana dapat mengurus dan menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan di asrama. Kehidupan di sini telah banyak mengajar saya dan rakan-rakan menjadi pelajar yang berilmu, beriman, bertaqwa, berdikari, berdisiplin dan berbakti. Kenangan indah bersama guru-guru dan rakan-rakan semasa kami sama-sama belajar tidak akan saya lupakan. Suasana persekitaran sekolahnya yang ceria dan tenteram, disusuli pula dengan budaya penghayatan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh semua warga sekolah tersebut, telah menjadikan kami terasa sungguh gembira belajar di situ.

Tahun demi tahun berlalu, usia saya dan rakan-rakan kini menjadi remaja. Kami telah mencapai kejayaan cemerlang di dalam Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Jelas terbayang kegembiraan di hati ayah ibu dan juga adik-adik. Kejayaan ini telah melayakkan saya melanjutkan pelajaran hingga ke menara gading. Saya bersyukur kerana sepanjang masa berada di bangku persekolahan, saya dapat menjadi pelajar yang baik, mentaati perintah dan menghormati ayah, ibu dan guru. Saya dapat menghindarkan diri daripada budaya hidup yang tidak sihat. Di samping itu saya dapat mengajar dan menyampaikan ilmu kepada adik-adik di sekolah. Semua itu adalah berkat daripada ilmu yang telah saya pelajari daripada guru. Kini jelas terbukti bahawa pesanan dan nasihat daripada ayah, ibu dan guru-guru semasa kami berada di sekolah dahulu ada kebenarannya. Insya Allah! Saya bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran saya dalam pelbagai bidang agar saya dapat menyumbang ilmu tersebut ke arah pembangunan ummah dan negara.

Sesungguhnya sumbangan ilmu terhadap diri anda dan saya sangat banyak. Dengan ilmu anda dan saya dapat mengenal diri, mengetahui tanggungjawab, menginsafi mengapa kita dijadikan dan ke manakah kesudahan kehidupan ini? Sehubungan dengan itu, ilmu juga telah menggerakkan diri saya untuk berusaha menghampirkan diri dengan Allah s.w.t. Tuhan Yang Maha Kuasa. Dengan ilmu saya dapat mengerjakan segala perintah Nya dan menjauhi segala larangan Nya. Selain daripada itu, ilmu pengetahuan juga telah mendidik saya untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab terhadap diri sendiri seperti menjaga kebersihan fizikal dan rohani supaya sihat, kemas dan ceria. Tahukah anda bahawa kebersihan itu sebahagian daripada iman? Saya berharap melalui ilmu yang telah dan sedang diperolehi akan dapat mendidik saya menjadi muslim yang berilmu, beriman dan bertaqwa. Insya Allah!



*Kaedah Kejuruteraan Tisu : Dengan ilmu pengetahuan, manusia dapat menumbuhkan telinga melalui tisu. Gambar kecil di atas ialah Dr. Aminuddin bin Saim, pakar yang telah berjaya mencipta kaedah ini.*

# *Kaedah — belajar yang — berkesan*

---

**S**emasa belajar saya dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan perkembangan minda. Ada beberapa kaedah yang telah saya lakukan semasa saya menjalankan proses pembelajaran di sekolah. Selain daripada belajar secara individu, saya juga belajar secara berkumpulan bersama dengan rakan yang lain. Kami telah membentuk kumpulan secara tidak formal dengan matlamat yang sama. Banyak kebaikan yang didapati semasa aktiviti pembelajaran secara berkumpulan dijalankan. Ia lebih berkesan daripada belajar secara individu. Banyak idea dan pemikiran serta pengalaman dapat dikongsi bersama. Selain daripada itu ia melatih diri supaya beradab dan memiliki disiplin diri yang tinggi, kerana semasa perbincangan berkumpulan ini dijalankan, kita hendaklah serius berbincang mengenai perkara yang penting dan dapat dimanfaatkan. Bukannya bercakap kosong dan bergurau senda. Percakapan dan tutur kata dapat dikawal. Dapat mengemukakan pandangan secara teratur. Dapat menyumbangkan idea secara mudah dan senang, kerana saling bekerjasama. Dapat berfikir secara aktif dan kritis, sentiasa berfikiran terbuka, prihatin mendengar idea serta menghargai dan menghormati pandangan orang lain. Pembelajaran secara berkumpulan dapat mencetuskan lagi semangat saya untuk berlumba-lumba mendapatkan ilmu lebih daripada rakan-rakan yang lain. Ia akan menjadi pemangkin kepada diri saya supaya rajin berusaha dan banyak membaca.

---

## ***Menghadiri majlis-majlis ilmu***

Majlis ilmu ialah suatu majlis perjumpaan ilmu yang diadakan di suatu tempat. Didalamnya dijalankan suatu aktiviti untuk menyampaikan ilmu pengetahuan atau sesuatu maklumat baru supaya dapat dikongsi dan diperbincangkan bersama. Biasanya dibuat dalam bentuk persidangan. Ia merangkumi ceramah, seminar, kolokium, wacana, bengkel dan dialog. Pernahkah anda menghadiri suatu persidangan ilmu? Dalam mengurus dan mengendalikan sesuatu persidangan ini, pihak penganjur akan menjemput penceramah yang terdiri daripada ilmuwan yang arif dalam sesuatu bidang untuk membincang topik-topik tertentu. Kemudian topik tersebut dibentang, dibahas, dibincang dan seterusnya penceramah dapat berinteraksi dengan pendengar. Di samping itu pendengar pula berpeluang mengemukakan pandangan dan bersoal jawab. Melalui majlis ilmu seperti ini, orang ramai dapat mengetahui, memahami maklumat dan ilmu pengetahuan yang telah disampaikan, malahan mereka dapat menjadi seorang pendengar, pemerhati yang prihatin, aktif menyoal dan bertanya kerana ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sesuatu perkara yang mereka kurang jelas. Mereka juga menghormati idea dan pandangan orang yang lebih arif. Disamping itu kita dapat menggunakan pendengaran dan penglihatan untuk mendengar dan melihat sesuatu yang baik dan bermanfaat. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali r.a. pernah berkata :

***“Jangan sekali-kali kamu menyangka bahawa dosa itu akan menimpa si pembicara semata-mata, malahan si pendengar juga berkongsi dosanya kerana mendengar si pembicara mencaci dan mengata keburukan orang lain.”***

Telinga dan mata adalah nikmat kurnian Allah s.w.t. yang terbesar kepada manusia agar manusia dapat mendengar dan melihat sesuatu perkara yang baik bagi mendapat kerediaan Allah s.w.t. Kedua-dua pancaindera tersebut menjadi saksi serta pengakuan terhadap amalan tuannya di akhirat kelak. Semoga dengan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari, saya akan memanfaatkan pemikiran, anggota tubuh badan dan nikmat-nikmat kurniaan Allah yang lain kepada saya seperti alam sekitar dengan sebaik-baiknya, demi untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Melalui majlis-majlis ilmu, saya dapat mengenali tokoh-tokoh ilmuwan yang lebih dekat. Selain daripada itu, saya dapat mengutip isi-isi penting daripada ceramah yang telah disampaikan. Kertas kerja yang diberikan boleh dibaca. Disamping itu saya tidak lupa bahawa orang yang hadir dalam majlis ilmu sentiasa mendapat rahmat dan ganjaran pahala daripada Allah s.w.t.



*Gambar hiasan : Menghadiri majlis ilmu dapat menambahkan lagi maklumat dan ilmu pengetahuan.*

# Membaca dan menulis kunci ilmu

**S**elain daripada belajar, ilmu juga dapat diperolehi melalui pembacaan dan penulisan. Ini bererti bahawa untuk mendapatkan ilmu setiap kita perlu banyak membaca dan menulis. Orang yang tidak tahu menulis dan membaca dikenali sebagai buta huruf. Usaha-usaha telah dijalankan bagi membasmi buta huruf di kalangan penduduk di negara ini melalui kempen membaca dan menulis. Melalui pembacaan dan penulisan, kita boleh membentuk budaya ilmu dan budaya berfikir secara kritis agar dapat menghasilkan reka cipta baru dalam bidang teknologi. Wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah s.a.w menggesa supaya umatnya membaca, kerana dengan membaca banyak ilmu akan diketahui. Membaca dapat menjana minda untuk berfikir, memerhati dan menginsafi diri sebagai hamba Allah s.w.t. sebagaimana mafhum firman Allah s.w.t :

***“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.”***

Surah al-Alaq : ayat 1-5

---

Al-Quran adalah kitab suci diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ia wajib dipelajari, dibaca, difahami dan dihayati oleh setiap umat Islam. Tahukah anda? Apabila kita melihat al-Quran, mempelajari dan membacanya dengan bertajwid dikira sebagai ibadat. Setiap ibadat yang diniatkan kerana Allah s.w.t. akan diberi ganjaran pahala. Beruntunglah mereka yang sentiasa membacanya, apa lagi mereka yang memahami isi kandungannya. Mukmin yang membaca al-Quran, hati dan jiwanya sentiasa tenang dan damai, wajahnya ceria dan berseri-seri. Galakan membaca serta menghayati al-Quran telah dijelaskan oleh hadis Rasulullah s.a.w :

***“Bacalah al-Quran, kerana dia akan datang pada hari kiamat sebagai pembela kepada orang yang mempelajari dan mentaatinya.”***

Riwayat Muslim

Dalam hadis yang lain lagi Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

***“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat jika kamu berpegang dengan keduanya iaitu al-Quran dan sunahku.”***

Riwayat Ibnu Majah

Justeru itu sebagai seorang pelajar, kita hendaklah mampu membaca al-Quran, walaupun satu ayat pada setiap hari. Di samping itu kita hendaklah berusaha memahami dan menghayati pengajaran daripada ayat-ayat yang telah dibaca melalui kitab-kitab tafsir al-Quran. Percayalah, semua pengajaran al-Quran yang dibaca akan menjadi panduan dan pertunjuk di dalam kehidupan kita, kerana ayat al-Quran itu sendiri memberi pertunjuk, membawa rahmat dan penawar kepada seluruh mukmin.

Mafhum firman Allah s.w.t. :

***“Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepadamu pengajaran dari Tuhanmu dan penawar bagi penyakit dalam dada (kamu) dan pimpinan serta rahmat bagi orang yang beriman.”***

Surah Yunus : ayat 57

Isi kandungan al-Quran lengkap dalam segenap aspek kehidupan sama ada di dunia dan di akhirat. Semua keterangan dan penjelasan yang terkandung di dalam al-Quran adalah merupakan sumber ilmu yang tepat dan benar. Selain daripada membaca ayat-ayat al-Quran, memahami kitab tafsir dan kitab-kitab hadis, di sana masih ada lagi bahan bacaan lain yang perlu kita baca. Semasa berada di sekolah, banyak bahan bacaan dapat diperolehi. Buku-buku seperti majalah, akhbar dan maklumat-maklumat yang dapat diperolehi di Perpustakaan. Berapa kalikah seminggu anda pergi ke Perpustakaan?

Kebanyakan ibu bapa telah mewujudkan mini perpustakaan di rumah-rumah. Ini bertujuan menggalakkan budaya membaca di kalangan semua anggota keluarga. Usaha seperti ini perlu dicontohi oleh orang ramai bagi melahirkan masyarakat yang cintakan budaya ilmu. Sebagai seorang pelajar juga, kita hendaklah bijak memilih bahan bacaan. Seseengah bahan bacaan ringan yang berfungsi hanya menyalurkan hiburan sahaja seperti akhbar, majalah hiburan, novel-novel yang popular serta menyentuh isu-isu semasa yang sensasi dan fantasi. Ini termasuklah kisah-kisah yang menyentuh tentang artis, penyanyi, bintang sukan dan seni. Pada kebiasaannya, bahan-bahan bacaan seperti ini tidak membawa apa-apa mesej tertentu kepada pembaca, selain daripada dapat memenuhi kepuasan dan kehendak pembaca dalam bidang hiburan. Ia tidak dapat menjana pemikiran

dan idea baru. Ada di kalangan pelajar yang membaca bahan-bahan tersebut semata-mata untuk mengisi masa lapang. Rata-rata para pelajar dan remaja amat gemar membaca bahan-bahan seperti ini.

### ***Pilihlah sumber bacaan maklumat yang ilmiah***

Bahan bacaan maklumat dan ilmiah perlu saya cari dan saya pilih. Bahan-bahan bacaan ini dapat membina minda saya. Isi kandungan buku tersebut dapat menambah pengetahuan dan maklumat baru dalam pelbagai bidang. Kadang-kadang apabila dibaca, ia memerlukan kepada analisis, kefahaman dan tumpuan pemikiran yang sepenuhnya. Saya mengakui walaupun bahan bacaan tersebut perlu diberikan perhatian yang serius, kerana ia sukar untuk difahami dan kadang-kadang amat membosankan, namun saya mesti bersabar untuk membacanya dengan penuh tekun dan teliti. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah memberikan semangat yakin, gigih, dan istiqamah semasa menghadapi kesukaran untuk memahami sesuatu yang saya baca. Saya berjanji pada diri saya, demi untuk mendapatkan idea dan ilmu yang baru, saya mesti sanggup membaca buku-buku tersebut walaupun terpaksa berulang beberapa kali. Sebaliknya kalau tidak memberikan perhatian yang serius, saya tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan maklumat terbaru untuk menjana ilmu tersebut ke dalam minda saya. Kadang-kadang saya dapat meluangkan masa untuk mengingat semula fakta dan maklumat-maklumat yang telah dibaca. Dengan cara ini saya dapat berfikir tentang sesuatu yang telah saya baca. Lebih menyeronok lagi apabila saya dapat mencetuskan idea baru yang boleh dikongsi bersama dengan orang lain. Kebanyakan hasil penulisan yang telah ditulis, akan diserahkan kepada guru Bahasa Melayu di sekolah saya untuk disemak. Dengan ini saya dapat mempelajari dan memperbaiki kelemahan bahasa dalam penulisan tersebut. Semasa menulis, bahan-bahan bacaan ilmiah sangat penting sebagai rujukan untuk

mendapatkan maklumat yang tepat. Maklumat dan fakta yang tepat akan menambahkan lagi daya kesungguhan dan keupayaan seseorang untuk menulis.

***Bagaimanakah cara anda membuat rujukan terhadap buku bacaan?***

Cara membuat rujukan terhadap sesuatu buku bacaan adalah mudah. Walaupun mudah, namun ia memerlukan kepada ilmu dan pemikiran juga. Pastikan anda telah mendapatkan buku yang dicari. Ada ketikanya kita perlu membaca semua halaman daripada buku tersebut. Ini bergantung kepada tajuk yang akan dibincang atau ditulis. Ada ketika lain kita hanya perlu melihat pada tajuk-tajuk di dalam daftar isi kandungan buku bacaan tersebut untuk mendapat isi-isi penting daripada topik yang akan dibincangkan. Cara yang baik, hendaklah dibaca semua halaman daripada buku tersebut, supaya kita dapat menambah ilmu dan mengambil kefahaman daripada isi kandungan yang terdapat di dalam buku tersebut.

# Membentuk *budaya berfikir*

---

**I**lmu pengetahuan sangat penting untuk menjana perkembangan akal dan minda supaya berfikir dengan baik. Akal atau minda merupakan nikmat kurniaan Allah s.w.t. yang amat besar kepada manusia. Di manakah tempat letaknya akal dan minda manusia? Ia terletak di otak dalam tengkorak kepala manusia. Lihatlah betapa tinggi nilai serta kedudukan akal kepada setiap individu. Tempat letak dan kedudukannya yang teratas, membuktikan bahawa manusia diberikan kemampuan dan kebolehan yang sangat istimewa untuk membezakan taraf manusia dengan haiwan. Buktinya manusia dapat menamakan benda-benda yang telah dilihat dan diceritakan kepadanya. Sedangkan makhluk lain tidak berupaya berbuat demikian. Manusia dapat mengenal kualiti sesuatu benda, sehingga mereka mampu mencipta sesuatu ciptaan baru, mereka boleh berfikir untuk merancang kehidupan masa hadapan, berdasarkan realiti semasa, walaupun pada realitinya kita menerima hakikat tiada siapa yang boleh menentukan masa hadapan mereka sendiri kecuali Allah s.w.t. Tetapi sayangnya kebanyakan di kalangan kita melupai dan mengabaikan kekuatan minda kurniaan Allah s.w.t. yang ada pada dirinya. Justeru itu tidak hairanlah al-Quran menampelak golongan yang tidak menggunakan akal lebih buruk tindakan mereka daripada haiwan.

Maafum firman Allah s.w.t. :

***“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka Jahanam kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakan untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah) dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang yang lalai”.***

Surah al A'raf : ayat 179

Berfikir secara proaktif merupakan salah satu syarat motivasi untuk kita mencapai kejayaan yang cemerlang. Hari ini kita dapat melihat sendiri realiti terhadap kenyataan tersebut. Orang yang proaktif berfikir, sentiasa terbayang dalam fikirannya sesuatu yang ingin dicapainya pada masa hadapan. Lantaran itu ia sentiasa berfikir serta berusaha mencari jalan bagaimanakah cara untuk mencapai hasrat dan cita-citanya itu. Tetapi sebaliknya bagi mereka yang malas berfikir, khayalan dan imaginasi tersebut mungkin hanya menjadi angan-angan sahaja.

Akal fikiran dan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh manusia, menjadi unsur dalaman yang sangat penting kepada dirinya sendiri kerana ia dapat mengawal seluruh anggota fizikal individu. Selain daripada itu akal juga dapat mencorak dan mempengaruhi perwatakan serta kehidupan individu. Contohnya jika sekiranya fikiran seseorang individu itu berfikir secara laju dan cepat, ia boleh membawa kepada

fizikal individu menjadi cergas dan bertenaga serta dapat menjayakan sesuatu yang dirancang itu dengan berkesan. Dengan itu tidak hairanlah jika sekiranya seseorang itu dapat merasakan bahawa apa yang diusahakan selama ini telah membuahkan hasil kejayaannya.

### ***Bilakah masa anda berfikir? Mengapa mesti berfikir?***

Berfikir secara rasional sangat dituntut dalam Islam. Banyak ayat al-Quran yang menggesa manusia supaya berfikir. Apabila berfikir, kita mestilah mempunyai matlamat semata-mata untuk mencapai kebenaran serta mendapat keredaan Allah s.w.t. Oleh itu semasa anda berfikir, rancanglah ia dengan rapi. Contohnya, dengan memerhati beberapa fenomena yang berlaku di persekitaran untuk diambil iktibar dan pengajaran sebaik mungkin. Sebaik-baiknya berfikirilah sepanjang masa, apabila melihat, mendengar dan mengambil keputusan atau tindakan terhadap sesuatu perkara. Apa lagi semasa kita sedang belajar. Pelbagai masalah, ujian, dugaan dan cabaran yang mesti ditempo dan dialami. Setiap tindak tanduk yang kita lakukan mestilah difikir terlebih dahulu supaya tidak timbul keresahan dan penyesalan.

Para ilmuwan hendaklah sentiasa berfikir dengan lebih baik supaya mereka dapat merealisasikan budaya ilmu dan budaya berfikir yang baik dan sihat di kalangan masyarakat. Ada beberapa kelebihan jika sekiranya kita sentiasa mengguna minda untuk berfikir secara baik dan sihat. Di antaranya ialah :

- Anda dapat membuat sesuatu keputusan dengan munasabah. Dalam hal ini, anda akan berhati-hati semasa membuat keputusan, mereka lebih teliti dalam mengkaji sesuatu keputusan agar keputusan tersebut dibuat secara tepat.

- Anda akan bertindak secara rasional, bukan semata-mata mengikut perasaan dan hati. Ingatlah pepatah Melayu ada menyebut : ***“Ikut rasa binasa, ikut hati mati”***
- Anda tidak akan membuat keputusan secara tergesa-gesa, kerana keputusan yang dibuat secara tergojoh-gojoh adalah daripada hasutan syaitan. Ia boleh membawa kepada penyesalan.
- Membuktikan kematangan individu dalam melakukan sesuatu tindakan. Anda tidak akan mudah terpengaruh dengan orang lain, kerana anda mempunyai pendirian serta istiqamah pada diri anda sendiri.
- Anda sentiasa dihormati kerana kebijaksanaan serta kematangan anda dalam melaksanakan tugas serta tindakan secara berkesan.
- Anda akan menjadi orang yang sabar, beriman dan bertaqwa serta sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan Allah s.w.t. Ini dapat mengelakkan diri daripada mudah marah, hilang pertimbangan dan suka menyalahkan orang lain.
- Anda akan bekerja kuat, tekun dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Sedangkan mereka yang tidak berfikir, kurang mempunyai daya inisiatif dan malas berusaha.

### ***Bagaimanakah cara menjana minda yang sihat?***


Mafhum firman Allah s.w.t :

***“... Katakanlah: Adakah sama orang yang berilmu pengetahuan dengan orang yang tidak berilmu pengetahuan? Hanya orang yang menerima peringatan ialah orang yang berakal.”***

Surah az-Zumar : ayat 9

---

Daripada maksud ayat di atas jelaslah bahawa orang yang berilmu pengetahuan berupaya menggunakan mindanya untuk berfikir dengan lebih baik. Kelebihan pemikiran dan minda mereka itu dapat membantu mereka mengenali perbezaan di antara yang baik dengan yang mungkar. Lantaran itu mereka berjaya membentuk diri mereka untuk menjadi insan yang baik, berakhlak mulia dan terpuji. Untuk menjana minda yang sihat, ia memerlukan kepada badan yang sihat. Aktiviti riadah perlulah diamalkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Amalan pemakanan yang berzat serta suci dapat membina pemikiran yang cergas dan sihat. Pepatah Arab ada menyebut : **“Akal yang sihat berada dalam badan yang sihat”**.



*Gambar hiasan : Otak manusia terletaknya akal untuk berfikir.*

# Menyelesaikan *masalah* dalam kehidupan

**D**alam menghadapi arus kebangkitan alaf baru, kehidupan individu penuh dengan pelbagai liku dan cabaran. Arus globalisasi, perkembangan teknologi maklumat yang semakin hebat telah mempengaruhi budaya hidup sebahagian penduduk di negara kita, terutamanya di kalangan golongan kanak-kanak dan remaja. Budaya hidup ini akan melahirkan generasi muda yang suka hidup secara senang, mewah, bergaya, leka dan malas untuk belajar, berusaha dan bekerja. Walaupun perkembangan teknologi maklumat membawa faedah kepada kehidupan individu, masyarakat dan negara, terutamanya dalam menyampaikan ilmu dan maklumat terkini dengan secara pantas, namun perlu kita ingat, jika sekiranya disalahguna, ia akan memberi kesan yang parah kepada pengguna, kerana sesetengahnya menonjolkan unsur-unsur negatif yang boleh meruntuhkan akhlak. Sebilangan besar penggunaanya adalah terdiri daripada pelajar dan remaja. Mereka akan menjadi leka, hanya asyik bermain dengan komputer, banyak wang dihabiskan, banyak masa dipersia-siakan untuk bermain dan melihat perkara-perkara yang boleh menghiburkan mereka. Kadang-kadang mereka mengabaikan kewajipan diri mereka terhadap Allah s.w.t, meninggalkan solat fardu, mengabaikan tugas dan kerja-kerja sekolah. Ada pula yang mengambil kesempatan bersama-sama dengan rakan sebaya untuk ponteng kelas. Bukankah itu suatu kesalahan dan kebodohan?

Dalam menjalani kehidupan di rumah pula, pelbagai isu yang sering diperkatakan. Dalam mengejar kemewahan hidup bersama keluarga, ibu bapa sentiasa sibuk dengan tugas dan bekerja. Anak-anak ditinggalkan di rumah, membesar tanpa kawalan, didikan serta perhatian yang sepenuhnya. Tiada siapa yang dapat mengurus kehidupan, menegur dan menasihati kesilapan anak-anak semasa mereka berada di rumah. Ada di kalangan mereka yang membawa masuk rakan-rakan ke rumah, tanpa mengira batas-batas pergaulan yang dibenarkan oleh Islam, melihat video lucu, bermain 'game', menyanyi karaoke dan sebagainya. Semua ini boleh menyumbang ke arah perlakuan yang melalaikan, mengganggu ketenteraman orang lain serta melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Islam. Ada



*Gambar hiasan : Anak-anak yang berilmu boleh menguruskan rumah mereka semasa ketiadaan ibu bapa di rumah.*

sesetengah di kalangan remaja menjadikan teknologi internet ini sebagai rakan untuk mencurahkan perasaan dan menyelesaikan masalah mereka. Mereka akan terpengaruh dengan berita dan maklumat-maklumat yang ditonton daripada internet tersebut.

Bagi anak-anak yang berilmu, walaupun ibu bapa tiada di rumah, mereka akan dapat memanfaatkan masa ketika berada di rumah dengan sebaik-baiknya. Mereka akan mendengar nasihat daripada ibu bapa. Mereka akan menguruskan kebersihan bilik dan kawasan rumah mereka. Mereka akan mengajak rakan-rakan belajar bersama-sama, mengurus dan menjaga makan-minum adik-adik yang tinggal bersama-sama dan membaca bahan-bahan bacaan ilmiah.

Ada lagi beberapa bahaya dan jenayah yang sering menimpa anak-anak semasa mereka berada di dalam dan di luar rumah. Dari segi keselamatan mereka sering terdedah kepada kejadian-kejadian jenayah seperti culik, dera, rogol dan sebagainya. Bagi mereka yang beriman dan berilmu, mereka akan dapat menghindarkan diri daripada kejadian jenayah tersebut. Mereka akan sentiasa berhati-hati semasa tinggal di rumah dan ketika berada di luar seperti di jalan raya yang penuh dengan kenderaan. Mereka menyedari bahawa keselamatan diri menjadi tanggungjawab mereka, di samping itu mereka juga membantu orang lain dan menghargai alam sekitar.



*Gambar hiasan : Anak yang berilmu pengetahuan sentiasa menghargai waktu dan melaksanakan tanggungjawab.*

# *Memerangi kejahilan*

**K**ejahilan merupakan suatu penyakit hati dan sosial yang perlu dibanteras oleh setiap individu. Ia amat merbahaya dan boleh membawa implikasi buruk terhadap kehidupan individu, masyarakat dan negara. Dalam hal ini, seorang yang jahil tidak dapat membeza di antara kebenaran dengan kepalsuan, sedangkan kebenaran dan kepalsuan amat berbeza. Untuk mengenal sesuatu kebenaran, seseorang itu mesti mempunyai ilmu dan menghayati kebenaran tersebut. Begitu juga jika sekiranya ia mengetahui sesuatu itu palsu (tidak benar) ia mestilah mengetahui apakah ciri-ciri kepalsuan dan apakah ciri-ciri kesesatan. Dengan cara ini seseorang itu tidak mudah terjerumus ke dalam kancah kepalsuan dan kesesatan.

Menurut Islam, bagi menentukan sesuatu ilmu itu benar atau sesat, maka kita hendaklah berpandukan kepada al-Quran, as-Sunnah, ijmak ulama dan qiyas, sekiranya sesuatu itu bertentangan dengan salah satu daripada keempat-empatnya, maka itu adalah karut dan tidak benar. Ini semua memerlukan kepada ilmu. Di dalam al-Quran Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa Islam adalah agama yang benar. Ia adalah jalan lurus yang boleh menyampaikan kehidupan kita kepada keredaan Nya bagi mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Maafum firman Allah s.w.t. :

***“Sesungguhnya agama (yang di redai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang yang telah diberi al-kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka ...”***

Surah ali-‘Imran : ayat 19

Tetapi malang sekali jika kita tidak memiliki ilmu dan tidak memahami isi kandungan al-Quran, tentulah kebenaran agama Islam yang suci itu tidak akan diketahui dan difahami, jauh sekali untuk menghayatinya. Malahan boleh menimbulkan rasa ragu-ragu dan hilang keyakinan terhadap kebenaran dan kesuciannya. Apabila hilang keyakinan dan keimanan seseorang muslim, sudah tentu iman yang menjadi benteng pertahanan di hati dan jiwanya akan menjadi lemah dan menunggu masa untuk roboh. Apabila robohnya benteng pertahanan tersebut di jiwa seseorang, sudah tentu ia akan mudah terpengaruh dengan dakyah dan ancaman pihak musuh yang sedang berusaha untuk memesonkan akidah dan pegangan kepercayaan terhadap kesucian agama Islam. Justeru itu tidak hairan pada hari ini, ada di kalangan umat Islam telah hilang keyakinan dan keimanan mereka terhadap kesucian agama Islam. Mereka mengakui diri mereka beragama Islam, tetapi jarang-jarang mengerjakan solat fardu yang telah di fardukan ke atas setiap muslim. Dengan kata-kata lain mereka telah melanggar hukum Islam dan mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif yang boleh meruntuhkan akhlak. Kejahilan menjadikan insan itu bodoh, tidak dapat berfikir, menolak segala bentuk yang baik, tidak dapat mengenal nilai-nilai kemanusiaan dan keagamaan. Rasulullah s.a.w. sendiri memerangi kejahilan masyarakat Arab Jahiliah. Bukan itu sahaja, kejahilan tersebut boleh menyekat dan membelenggu pemikiran serta menghalang kemajuan hidup manusia yang dijadikan Allah s.w.t. untuk memakmurkan bumi ini.

Mafhum firman Allah s.w.t. :

***“Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh”***

Surah al-Ahzab : ayat 72

Individu dan masyarakat yang jahil tidak mampu untuk mengurus masalah diri. Apa lagi menentukan perancangan dan pengurusan lain termasuk keluarga, masyarakat dan negara. Ia tidak akan mengerti tanggungjawab tersebut. Dalam kehidupan bermasyarakat pula kejahilan akan mengakibatkan manusia boleh bertindak tidak waras, mencetuskan suasana tidak sihat seperti menipu, membunuh, fitnah dan memberontak. Semua perlakuan ini akan membawa kepada pergaduhan dan perpecahan di kalangan ummah. Akhirnya siapa yang rugi?

Mafhum firman Allah s.w.t. :

***“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat.”***

Surah ar-Rum : ayat 41

# Menangani ajaran sesat dan penyelewengan akidah.

**P**ernahkah anda mendengar dan mengetahui berkenaan ajaran sesat dan penyelewengan akidah? Isu ini sering diperbincangkan kerana ia boleh menjejaskan akidah umat Islam tanpa mengira lelaki atau perempuan, tua atau muda di mana sahaja kita berada. Ajaran sesat dan penyelewengan akidah adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Ia boleh mengancam akidah umat Islam sekiranya tidak dibanteras dengan segera. Di antara ajaran-ajaran sesat dan penyelewengan akidah yang dikenal pasti ialah Qadyani, Bahai, Syiah, Taslim dan lain-lain lagi. Ajaran ini disebarkan oleh golongan fasik iaitu orang yang telah rosak iman dan pegangan agamanya. Apabila kita mengkaji sejarah, golongan ini sudah mula menjalankan dakyah mereka selepas berlaku kewafatan Rasulullah s.a.w. Golongan ini dikenali sebagai golongan murtad. Mereka mengakui diri sebagai nabi palsu dan enggan mengeluarkan zakat. Khalifah Abu Bakar telah berjaya memerangi golongan ini. Namun demikian dakyah ini terus disebarkan lagi oleh golongan sesat yang berada pada masa kini di seluruh dunia dengan tujuan dan niat yang sama iaitu untuk mencari pengaruh dan melakukan penjajahan. Ini termasuklah menjajah pemikiran, ekonomi dan negara umat Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa golongan ini telah gagal untuk menjajah negara, ekonomi dan pemikiran umat Islam. Kegagalan dakyah dan pengaruh mereka adalah disebabkan umat Islam pada

masa itu memiliki ilmu pengetahuan, kekuatan akidah dan keimanan yang kental. Akhirnya setelah golongan ini mengetahui dan menyedari hakikat kekuatan tersebut, mereka telah mengambil langkah dan menukar strategi baru bagi memesonkan akidah umat Islam. Mereka memperkenalkan budaya hidup yang boleh meruntuhkan umat Islam melalui media elektronik dan media cetak. Kebanyakan budaya hidup yang diperkenalkan itu boleh mempengaruhi minda dan pemikiran umat Islam. Apabila minda dan pemikiran umat Islam berjaya dijajah dan dikuasai, nescaya dengan sendiri akidah umat Islam yang lemah dapat dipesonkan. Akhirnya tanpa disedari umat Islam itu mengikut kehendak dan telunjuk mereka.

Walaupun zaman demi zaman telah berlalu, namun golongan ini tetap terus menjalankan dakyah mereka dengan pelbagai cara dan isu untuk memusnahkan akidah umat Islam supaya hasrat dan matlamat mereka tercapai. Ada sesetengah golongan ajaran sesat ini menjalankan dakyah dengan mengakui diri mereka sebagai bomoh, nabi dan wali yang boleh mengubati penyakit dan memiliki keistimewaan sehingga boleh mengampun dosa orang lain. Mereka kini telah berjaya menyebarkan beberapa ajaran dan amalan yang sesat dan karut. Kebiasaannya orang yang menjadi pengikut mereka terdiri dari golongan yang jahil di dalam memahami agama, mereka yang mempunyai masalah dalam hidup, mereka yang menghadapi kekecewaan dan mereka yang mempunyai niat jahat untuk memusnahkan orang lain. Ada pula golongan yang menggunakan ilmu sihir untuk menarik perhatian orang ramai supaya mempercayainya. Di dalam Islam, perbuatan sihir adalah perbuatan syaitan. Ia adalah perbuatan keji yang termasuk di dalam salah satu daripada dosa besar, kerana menyengutkan Allah s.w.t. Yang Maha Esa.

Mafhum sabda Rasulullah s.a.w. :

***“Jauhilah kamu daripada tujuh perkara yang membinasakan. Para sahabat bertanya baginda. Apakah perkara tersebut wahai Rasulullah? Baginda menjawab : Syirik dengan Allah, sihir, membunuh nyawa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan kebenaran, makan riba, makan harta anak yatim, pertuduhan zina tanpa bukti dan lari dari medan perang.”***

Riwayat Bukhari

Tahukah anda? Al-Quran telah menjelaskan bahawa syaitan adalah musuh Allah dan musuh manusia.

Mafhum firman Allah s.w.t. :

***“... Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia.”***

Surah Yusuf : ayat 5

Apabila seseorang itu mempercayai sihir, ia boleh membawa kepada syirik. Lebih membimbangkan lagi, apabila dakyah daripada golongan yang menyebarkan ajaran sesat ini boleh memesongkan akidah dan pemikiran umat Islam.

Ada di kalangan mereka menggunakan alasan serta logik yang boleh menimbulkan keraguan terhadap kebenaran ajaran Islam. Di antaranya ialah :

- Nabi Muhammad s.a.w. tidak sejahtera, kerana itu umatnya dikehendaki bersalawat ke atas baginda.
- Umat Islam tidak dikasihi dan disukai Tuhan kerana itu umat Islam terjebak dengan maksiat dan kemiskinan.
- Islam agama yang menggalakkan peperangan.

Ketiga-tiga dakyah dan tohmahan tersebut di atas adalah tidak benar. Ianya sengaja ditimbulkan untuk memesongkan akidah umat Islam semata-mata. Bagaimanakah cara untuk menangkis serangan daripada golongan tersebut jika sekiranya kita tidak memiliki ilmu pengetahuan dan memahami syariat Islam? Nescaya kita akan menerima dan terpengaruh dengan dakyah tersebut.

Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan Ilmu dan pengajaran Islam kepada umat baginda, dengan menegaskan bahawa Islam adalah ajaran yang benar.

Maafum firman Allah s.w.t. :

***“Dan sesungguhnya inilah jalan Ku (agama Ku) yang lurus, maka hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan lain, kelak akan memporak-perandakan kamu (menyesatkan kamu) dari jalan Nya (Allah). Yang demikian itu diperintahkan kepadamu agar kamu bertaqwa.”***

Surah al-An’am : ayat 153

Umat Islam hendaklah berbangga dan bersyukur kerana dilahirkan dalam agama Islam. Sebagai muslim kita berkewajipan untuk menjaga dan mempertahankan akidah Islam daripada dicemar dan dihina

---

oleh pihak musuh. Semangat dan pengorbanan demi memelihara dan mempertahankan akidah serta kesucian agama Islam sangat mulia di sisi Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. telah mengajar umatnya supaya sentiasa berdoa untuk menetapkan hati dan pegangan terhadap agama Islam dan menjauhi diri dari kesesatan.

*“Wahai Tuhan, tetapkanlah hati kami di atas agama Mu dan ketaatan kepada Mu, tunjukkanlah kami tentang kebenaran dan berilah kami habuan untuk mengikutinya. Tunjukkanlah kami tentang kebatilan dan berilah kami habuan untuk menjauhinya.”*

# ***Kisah tauladan dan mutiara kata***

*Mari kita renung dan fikirkan beberapa pengajaran yang dapat kita pelajari dan teladani daripada kisah-kisah dan mutiara kata di bawah ini.*

## ***Kisah pertama***

---

### ***Ilmu dicari bukan mencari***

**I**mam Malik r.a. adalah seorang tokoh dan ulama yang terkenal. Beliau adalah salah seorang pengasas imam empat mazhab. Keupayaan dan kepintaran beliau dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, menyebabkan orang ramai datang mempelajari ilmu ke rumahnya. Di samping mengajar ilmu kepada orang ramai, beliau telah berjaya menulis dan menyusun buku yang terkenal “*al-Muwatta*’”. Buku tersebut mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan agama berdasarkan ilmu hadis dan pandangan-pandangan orang ramai mengenainya. Sehingga kini ia menjadi kitab rujukan muktabar kepada seluruh umat Islam di dunia. Oleh kerana Imam Malik r.a. seorang ulama yang terkenal, timbul keinginan Khalifah Harun al-Rashid (khalifah yang memerintah Kerajaan Abbasiyah) untuk belajar dengan beliau. Khalifah Harun al-Rashid memerintah seorang utusan pergi menemui Imam Malik r.a. untuk menjemput beliau datang mengajar baginda di istana. Setelah utusan khalifah sampai ke rumah Imam Malik r.a., beliau

segera menyampaikan salam takzim daripada khalifah dan menceritakan hasrat baginda kepada Imam Malik r.a. untuk menjemputnya ke istana. Imam Malik r.a. hanya tersenyum sambil berkata kepada utusan khalifah : ***“Ilmu itu dicari bukan mencari”***.

Setelah mendengar kata-kata Imam Malik r.a., utusan tersebut terus pulang menemui khalifah di istana. Beliau menyampaikan kata-kata Imam Malik r.a. kepada baginda. Khalifah Harun al-Rashid memahami maksud kata-kata Imam Malik r.a. Lantas baginda bersiap dengan singgahsananya untuk berangkat ke rumah Imam Malik r.a. Sebelum baginda berangkat meninggalkan istana, tiba-tiba kelihatan Imam Malik r.a. telah sampai ke istana. Khalifah menjemput Imam Malik masuk mengadap lalu baginda berkata : ***“Ilmu itu dicari bukan mencari”***.

Mendengar kata-kata Khalifah Harun al-Rasyid itu, Imam Malik r.a. menjawab : ***“Tuanku seorang khalifah yang baik dan beriman. Justeru perintah Tuanku itu menjadi tanggungjawab hamba supaya mentaatinya”***.

Akhirnya Khalifah Harun al-Rashid terus berangkat ke rumah Imam Malik r.a. untuk belajar ilmu daripada beliau. Apabila sampai, Imam Malik r.a. terus mengajar ilmu kepada pelajar-pelajarnya sambil duduk dibawah. Baginda terus masuk ke majlis tersebut mengikuti ilmu yang sedang diajar sambil duduk di atas singgahsana untuk mendengar pengajaran yang disampaikan oleh Imam Malik r.a. Setelah menyedari keadaan tersebut, Imam Malik r.a. berkata kepada baginda : ***“Ilmu lebih mulia daripada pencari ilmu”***.

Khalifah Harun terasa kebenaran kata-kata tersebut, lalu baginda turun dari singgahsana tersebut untuk duduk di bawah bersama-sama dengan orang ramai. Khalifah Harun al-Rasyid terus mempelajari ilmu daripada Imam Malik r.a. sehingga tamat pengajiannya.

---

Ketokohan dan kehebatan Imam Malik r.a. sebagai seorang guru dan ulama terkenal di seluruh kota Baghdad. Khalifah Harun al-Rasyid telah menawarkan jawatan hakim kepada beliau, tetapi beliau enggan menerima pelawaan tersebut. Bahkan beliau lebih suka meneruskan tugasnya sebagai guru kerana ia suatu bidang kerjaya yang mulia dan dapat berkhidmat dengan sempurna.

## ***Kisah kedua***

---

### ***Menghormati kota Madinah***

Khalifah Harun al-Rashid telah menghadiahkan seekor kuda kepada Imam Malik r.a. Kuda tersebut telah digunakan sebagai kenderaan beliau dari sebuah negeri ke sebuah negeri. Suatu masa, ketika memasuki kota Madinah, beliau turun daripada kudanya lalu beliau berjalan kaki. Penduduk kota Madinah hairan dengan sikap Imam Malik lalu bertanya kepada beliau : ***“Mengapa tuan berjalan kaki tidak mahu mengenderai kuda?”***

Beliau menjawab : ***“Saya sangat malu dan tidak mahu hentakan kaki kuda itu akan mengganggu ketenteraman guru-guru saya yang sedang berehat dalam pusara Madinah.”***

Demikianlah sikap Imam Malik yang bijaksana dalam menyampaikan kebenaran serta mengamalkan ilmu yang diajarkannya.

Dalam membicarakan kelebihan-kelebihan bidang ilmu pengetahuan Imam asy-Syafie r.a. telah berkata :

***“Siapa mempelajari al-Quran ilmunya menjadi tinggi. Siapa mempelajari hadis, alasan pendapatnya kuat. Siapa yang membicarakan ilmu Fiqh, ia akan menjadi orang yang pintar. Siapa yang memperhatikan budi pekertinya ia akan menjadi orang yang baik dan jujur. Siapa yang banyak berhitung dan mempelajari ilmu Hisab, pemikirannya akan berkembang. Manakala siapa yang tidak memelihara kehormatan dirinya, maka ilmunya tidak akan berguna sama sekali.”***

Saidina Ali k.w. telah menjelaskan pandangan beliau ketika ditanya mengenai ilmu :

***“Ilmu lebih baik daripada harta kerana ia adalah warisan para nabi, manakala harta pula warisan Qarun dan Fir’aun. Ilmu boleh menjaga diri kamu, sedangkan harta, kamu yang menjaganya. Orang yang memiliki ilmu mempunyai ramai teman, sedangkan pemilik harta mempunyai ramai musuh. Ilmu pengetahuan itu akan bertambah jika diamalkan, sedangkan harta akan berkurangan jika dibelanjakan. Pemilik ilmu pengetahuan sentiasa dihormati, sedangkan pemilik harta akan dikenali sebagai si kedekut. Pemilik ilmu akan memberi syafaat, pemilik harta akan dihisab. Biarpun masa berlalu namun ilmu tidak lapuk ditelan zaman, tetapi harta itu semakin lama semakin usang, ilmu pengetahuan dapat menyinari hati, tetapi harta***

***mengeraskan hati. Orang berilmu mengakui dirinya sebagai hamba Allah, sedangkan orang berharta mengakui dirinya pemilik.”***

Dalam memperkatakan tentang kelebihan orang yang menuntut ilmu, Muaz bin Jabal r.a. telah berkata :

***“Pelajarilah ilmu, kerana mempelajarinya kerana Allah s.w.t. adalah tanda takut kepadaNya. Menuntut ilmu adalah ibadat, mengingatnya adalah tasbih, menyelidikinya adalah jihad, mengajarkannya kepada orang yang belum mengetahui adalah sedekah, memberikan kepada ahlinya adalah kebaktian sebab ilmu itu jalan untuk ke syurga. Dialah teman ketika keseorangan dan penghibur hati ketika kesepian. Dialah penunjuk jalan kepada agama dan pendorong kesabaran pada masa kesusahan. Dia menjadi senjata ketika menghadapi musuh. Allah mengangkat martabat kaum-kaum yang berilmu pengetahuan, sehingga dijadikan pemimpin yang dapat diikuti oleh orang ramai. Orang yang berilmu pengetahuan menjadi model utama dalam melakukan amalan kebajikan. Para malaikat serta makhluk di darat dan di air sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka. Ilmu dapat menghidupkan hati dari kebodohan, menjadi pelita ketika dalam kegelapan, dapat mengenal yang halal dan yang haram. Ilmu sebagai penunjuk amal, sedang amal tetap menjadi pengikutnya. Berbahagialah orang yang menerima ilham dari ilmu dan celakalah orang yang terhalang dari ilmu pengetahuan.”***

## ***Menghafaz Ilmu***

Selepas belajar, kita hendaklah mengulangkaji semula pelajaran yang telah diajar oleh guru. Kadang-kadang sesuatu ilmu itu perlu kita hafaz untuk kita ingat dan mudah menjadi amalan di dalam kehidupan kita seharian. Proses menghafaz untuk mengingati semula ilmu yang telah kita perolehi perlu dilaksanakan dengan tekun dan bersungguh-sungguh. Walaupun ia kadang-kadang membosankan dan menyulitkan kita untuk melakukannya dengan secara berulang-ulang kali. Bagi kita sebagai pelajar jangan mudah merasa malas dan enggan melaksanakannya. Sebaliknya jadikanlah kesulitan tersebut sebagai suatu pengorbanan. Sebaik-baiknya berusaha dengan mencari masa, ruang tempat yang selesa dan tenang. Bangunlah di waktu pertengahan malam atau sebelum waktu Subuh. Tunaikanlah solat tahajud dan solat hajat. Mohonlah keampunan segala dosa dan mintalah petunjuk dan hidayah kepada Allah s.w.t. Kemudian mulakan hafazan yang telah dirancangkan itu sehingga selesai dan lancar. Adakah anda pernah membaca kisah Imam asy-Syafie r.a. yang menghadapi kesukaran ketika menghafaz dan mengingati ilmunya semasa beliau sedang belajar? Kata beliau :

***“Aku mengadu kepada guruku Waki’ bin Jarrah tentang sukarnya menghafaz dan mengingati pelajaran. Beliau memberitahuku supaya meninggalkan maksiat kerana ilmu itu nur (cahaya) dan cahaya Allah tidak akan masuk kepada orang yang berdosa.”***

Saidina Ali k.w. berkata :

***“Satu huruf yang diajar guru kepadaku, aku layak untuk menjadi hamba kepadanya.”***

Ilmu pengetahuan yang telah kita pelajari bukan sahaja dapat meningkatkan perkembangan minda, bahkan jika kita melakukan pengkajian dan penyelidikan dengan bersungguh-sungguh, ia dapat mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah s.w.t. Tuhan Yang Maha Besar lagi Maha Kuasa. Pada ketika itulah kita terasa betapa kerdil dan lemah diri kita. Selama ini kita bersikap sombong, angkuh dan tidak tahu menghargai segala nikmat yang dianugerahkan Allah untuk kita manfaatkan. Mari kita bincang dan tuliskan mengenai beberapa mafhum firman Allah s.w.t. seperti berikut :

***“Dan pada diri kamu apakah tidak kamu perhatikan?”***

Surah az-Zariyat : ayat 21

***“Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak ada yang berlain-lain jenis dan warnanya. Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba Nya hanyalah orang yang beriman. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Pengampun.”***

Surah Fatir : ayat 28

***“Dialah yang menjadikan bumi terbentang luas dan menjadikan padanya gunung-ganang (berdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan daripada tiap-tiap jenis buah-buahan ia jadikan padanya pasangan, dua-dua. Dia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semua itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi diri kamu yang (mahu) berfikir.”***

Surah ar-Ra’d : ayat 3



*Gambar hiasan : Menerima ijazah, kejayaan yang cemerlang sentiasa menjadi impian setiap pelajar.*

# *Kata Pengantar*

*Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia*

**D**alam menghadapi era perkembangan teknologi maklumat alaf baru, suasana dan budaya hidup terus bergolak dan mencabar. Banyak cabaran dan dugaan akan dihadapi oleh pelajar semasa berada di alam persekolahan. Semua cabaran dan dugaan perlu dihadapi oleh para pelajar secara bijaksana. Para pelajar harus menyedari peranan dan tanggungjawab mereka untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan, meningkatkan daya ketahanan fizikal, rohani dan mental bagi menghadapi cabaran di alaf akan datang. Hadapilah segala cabaran dan ujian tersebut dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Ingatlah bahawa semua itu adalah tuntutan perjuangan untuk membangun diri serta ummah yang cemerlang. Dengan pengalaman tersebut, pelajar akan menjadi orang yang bijak, beriman dan bertaqwa.

Ibu bapa, masyarakat dan negara menaruh harapan yang tinggi kepada para pelajar sebagai pemimpin di masa hadapan. Justeru itu para pelajar perlu memiliki ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, agar dapat menguasai kemahiran dalam teknologi, memiliki kekuatan akidah dan keimanan yang mantap serta nilai akhlak yang terpuji. Persiapan tersebut amat penting agar pelajar dapat menentukan kejayaan di masa hadapan. Sesungguhnya ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran teknologi yang dimiliki akan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar selepas mereka meninggalkan alam persekolahan kelak.

Risalah dakwah yang berjudul “*Budaya Ilmu Asas Kecemerlangan Ummah*” merupakan siri keempat yang diterbitkan. Isi kandungannya membicarakan tentang kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan individu, terutama dalam menghadapi cabaran di alaf baru. Saya berharap risalah ini bukan sahaja dapat menyemai budaya membaca, bahkan ia dapat menimbulkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan Islam ke arah merealisasikan pelajar berbudaya ilmu, mampu berfikir, beriman dan bertaqwa.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Dakwah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, kerana berjaya menerbitkan risalah dakwah ini buat kali keempatnya. Semoga usaha seperti ini akan berterusan lagi pada masa akan datang. Saya berdoa ke hadrat Allah s.w.t. supaya risalah ini dapat memberi manfaat dan pengajaran kepada semua pelajar.



**DATUK DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia.